

27/01/2003

Abdullah perlu diberi peluang atur pelantikan

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, kesediaan beberapa pemimpin Umno untuk tidak bertanding pada pilihan raya akan datang akan memberi peluang kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk "mengatur semula segala-galanya".

Perdana Menteri yang bersara Oktober ini berkata, Abdullah perlu diberi peluang mengatur semula segala-galanya terutama bagi pelantikan baru barisan kepimpinan Umno.

Sambil menyifatkan langkah banyak pemimpin Umno termasuk Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob serta Exconya yang bersedia menarik diri daripada bertanding pada pilihan raya umum akan datang, sebagai langkah baik, Dr Mahathir berkata:

"Saya rasa ia akan memberi peluang kepada Pak Lah (Abdullah) untuk mengatur semula segala-galanya. Sudah tentu di kalangan mereka ada yang sudah lama, sesetengahnya selama saya menjadi Perdana Menteri (sejak 22 tahun lalu)...dilantik oleh saya. Saya berpendapat, Pak Lah harus diberi peluang untuk melantik sendiri seseorang itu."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, sekembalinya dari lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di Switzerland.

Abdullah yang akan mengambil alih pucuk kepimpinan negara daripada Dr Mahathir Oktober ini, hadir sama.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) seterusnya berkata, adalah lebih baik jika semua orang meletak jawatan.

Bagaimanapun, apabila orang ramai di bilik sidang akhbar itu termasuk menteri Kabinet serta beberapa Ahli Parlimen, ketawa mendengar kenyataan beliau itu yang mungkin dianggap dibuat secara berjenaka, Perdana Menteri berkata: "saya serius" (menyatakan demikian).

Dengan nada yang serius, beliau berkata: "Saya berpendapat, kita semua letak jawatan dan kemudian tengok pelantikan baru. Kita tidak seharusnya berfikir sesuatu jawatan itu milik kita secara tetap."

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno ketika dikerumuni wartawan kemudian, enggan mengulas kenyataan Dr Mahathir itu.

Menjawab pertanyaan sama ada rombakan badan perhubungan Umno negeri dilakukan selepas Kelantan, Dr Mahathir berkata, perkara itu belum diketahui kerana belum memperoleh maklumat sama ada perlu atau tidak berbuat demikian.

Kelmarin, Adnan juga berkata semua 30 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN di Pahang menyatakan kesediaan untuk berundur dan tidak mahu dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang.

Baru-baru ini juga, lima Adun Umno di Perak turut menyatakan hasrat berundur pada pilihan raya umum akan datang.

Abdullah sebelum ini menyatakan pemimpin boleh menyuarakan pandangan sama ada mahu terus memegang jawatan atau melepaskan kedudukan masing-masing, tetapi terpulang kepada kepimpinan Umno untuk menentukan kedudukan mereka.

Pada sidang akhbar selepas menghadiri satu acara di Genting Highlands pada 26 Julai tahun lalu, Dr Mahathir berkata, Abdullah mungkin mengetuai BN bagi menghadapi pilihan raya umum ke-11 akan datang.